

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-**

(a) pelan Kerajaan untuk melindungi kakitangan, warden dan juga tahanan di penjara daripada penularan wabak COVID-19, terutamanya tahanan wanita dan juvana; dan

(b) langkah susulan pelaksanaan program pemulihan dan reintegrasi berasaskan komuniti yang menyasarkan penglibatan 75% daripada tahanan berisiko rendah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat;

- (a) pihak Kementerian dan Jabatan Penjara telah mengambil beberapa pendekatan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 di penjara. Sebagai langkah pencegahan, Jabatan Penjara telah mengeluarkan Perintah Tetap Komisioner Jeneral Penjara iaitu Pelan Kontingensi: Tatacara Mencegah Dan Bertindak Dalam Menghadapi Penularan Wabak COVID-19 Di Dalam Penjara. Arahan ini terpakai kepada semua institusi penjara termasuk penjara yang mempunyai banduan wanita dan juga banduan juvana. Jabatan Penjara turut mempunyai lain-lain SOP bagi mencegah jangkitan termasuklah SOP yang menetapkan seseorang banduan yang dihantar ke penjara perlu mempunyai keputusan saringan COVID-19.

Bagi mengurangkan kebolehjangkitan langkah yang diambil perlu mengambilkira situasi kesesakan yang dihadapi. Sehubungan itu langkah menggunakan PLKN sebagai penjara sementara yang akan berfungsi sebagai **Admission Prison** untuk menempatkan banduan kategori risiko keselamatan minima serta langkah mewujudkan pusat-pusat transit di luar tembok penjara turut diambil.

- (b) Jabatan Penjara Malaysia pada masa kini telah melaksanakan usaha untuk menempatkan banduan menjalani hukuman di luar penjara melalui Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dan Pusat Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI).

Pihak penjara juga akan melepaskan sebilangan banduan yang menjalani hukuman singkat di bawah 1 tahun untuk menjalani hukuman di luar penjara melalui Pelepasan Banduan Secara Lesen (PBSL) sepertimana kuasa yang diberikan melalui Pindaan Peraturan 111(1), Peraturan-peraturan Penjara 2000 dan Seksyen 43, Akta Penjara 1995. Lembaga yang ditubuhkan bagi maksud PBSL tersebut

## **SOALAN NO : 27**

telah bermesyuarat bagi memilih banduan yang layak dipertimbangkan.

Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Pendaftar Mahkamah berhubung perluasan program pemulihan banduan dalam komuniti, di mana pihak Mahkamah disyorkan agar dipertingkatkan penggunaan Akta Kehadiran Wajib (AKW) oleh pihak mahkamah kepada pesalah-pesalah ringan dengan mengenakan hukuman dalam komuniti terhadap mereka.

Jabatan Penjara juga telah memohon peruntukan dari segi kewangan dan sumber manusia dalam RMK-12 bagi mewujudkan infrastruktur dan kemudahan prasarana yang mencukupi dan seterusnya untuk memastikan Transformasi Penjara dapat dilaksanakan secara berperingkat dan berkesan. Kemudahan infrastruktur dan prasarana yang dipohon dalam RMK-12 ini bertujuan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan kondusif disamping layanan yang kepada banduan dapat dipertingkatkan berdasarkan piawaian antarabangsa.